

## KONSEP PENGAJIAN TEKNIKAL UTeM Jadi Model UNIVERSITI AWAM AMERIKA SYARIKAT

Delegasi Thurgood Marshall College Fund (TMCf) Amerika Syarikat yang melawat Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) baru-baru ini berhasrat untuk menjadikan konsep pengajian teknikal universiti ini sebagai model bagi menambahbaik program sains, matematik, teknologi dan kejuruteraan di negara berkenaan.

Menurut Ahmad Yusoff, pengajian bidang teknikal secara aplikasi seperti yang diamalkan di UTeM terbukti memberi kelebihan kepada graduan untuk mendapatkan pekerjaan di sektor industri. Katanya lagi, pendekatan sedemikian berjaya membekalkan tenaga professional kepada negara terutama sekali dalam bidang teknologi tinggi.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Presiden TMCf, Johnny Clayton Taylor Jr. yang mengetuai delegasi ketika melawat Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal. TMCf merupakan sebuah organisasi yang mewakili 47 buah universiti awam di Amerika Syarikat yang menyediakan bantuan pendidikan seperti biasiswa kepada rakyat negara itu yang memerlukan berdasarkan kecemerlangan akademik.

Delegasi TMCf turut kagum terhadap pencapaian penyelidikan dan inovasi UTeM di peringkat antarabangsa meskipun usianya yang baru mencecah 10 tahun. Menurut Presiden TMCf, prestasi cemerlang UTeM serta statusnya sebagai universiti teknikal pertama di negara ini merupakan daya tarikan kepada organisasi tersebut untuk datang dan melihat sendiri keberkesanan konsep pengajian yang diamalkan.

Delegasi TMCf disambut oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan serta pegawai-pegawai kanan universiti. Seterusnya pertemuan di antara kedua-dua belah pihak diadakan untuk membincangkan dengan lebih mendalam mengenai konsep pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan di UTeM.

Dalam perbincangan yang didakan bersama Naib Canselor dan pegawai-pegawai kanan universiti, Presiden TMCf turut mempelawa UTeM untuk menjadi rakan strategik badan tersebut dalam usaha mempromosi dan meningkatkan kerjasama universiti-universiti awam di antara Amerika Syarikat dengan Malaysia.

### KANDUNGAN

Konsep Pengajian Teknikal UTeM Jadi Model Universiti Awam Amerika Syarikat | Bengkel Roadmap & Pelan Tindakan MTUN  
Perkasakan Pengajian Teknikal | UTeM Rangka Pelan Strategik Cipta Keunggulan Universiti Teknikal | CRIM Anjur Sesi Dialog  
Bersama KPT | Kecemerlangan UTeM Menjadi Penanda Aras Universiti Indonesia | UTeM dan Politeknik Rangka Jalinan Strategik  
Dua Hala | UTeM Dan JAAM Anjur Seminar Pemantapan Aqidah | Kor Suksis UTeM Laksanakan Program Polis Bersama  
Masyarakat | UTeM Anjur Aktiviti Tingkatkan Kesedaran Bahaya Penyalahgunaan Dadah | Pelajar UTeM Berbakti Kepada  
Masyarakat Di Kuala Besut | UTeM Anjur Karnival Wajadiri Peringkat Nasional | Ahmad Saufi Dilantik Sebagai YDP MPP UTeM  
| Kursus Orienteering 2011 UTeM Membentuk Mahasiswa Proaktif | Forum Titian Integrasi Etnik Realisasikan Gagasan 1Malaysia  
| HEPA Anjur Kursus Pengurusan Organisasi Kepada Pemimpin Pelajar | CRIM Anjur Program Mantapkan Bidang Penyelidikan |  
Praktis UTeM Bersama Merealisasikan Transformasi Berfokuskan Strategi | Pemindahan Teknologi Sektor Korporat Ke UTeM –  
Satu Pakatan Strategik | Penyelidikan Dan Inovasi UTeM Seiring Matlamat Transformasi Negara | Sambutan Maulidur Rasul  
Peringkat UTeM Berlangsung Meriah | Kursus Induksi Umum Bil 1/2011 Bentuk Semangat Kerja Berpasukan | Pintar Siri Iii –  
Pusat Komputer Timba Pengalaman Berharga | Berita Perkahwinan | Bengkel Pengenalan Asas Senamrobik 2011 UTeM Bentuk  
Gaya Hidup Sihat | Pejabat Pembangunan Juara Bola Sepak SAJ UTeM 2011 | Personaliti Pilihan



LG  
173  
.M44  
.B47  
2011  
a  
Mar

97719851470003

BERBAGI  
MELESTARI INFORMASI KOMUNITI BERINOVASI





**Editor BERITA@UTeM**

**KETUA EDITOR :**

Prof. Madya Mohd Rahimi  
Bin Yusoff

**WARTAWAN :**

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad  
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

**REKA BENTUK GRAFIK :**

Aziza Binti Md Buang  
Suria Binti Abdul Rahman  
Norhayati Binti Yakob

**JURUFOTO :**

Md. Nor Bin Mohamad Saleh  
Nurulidayu Binti Talib  
Mohd Farid Bin Supangi  
Asri Bin Abu

**PENGEDARAN :**

Yang Sarinah Binti Mohd Talib  
Rabeatul Adawiyah Binti Zakariah

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM? Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke [berita@utem.edu.my](mailto:berita@utem.edu.my)

# Bengkel Roadmap & Pelan Tindakan MTUN perkasakan Pengajian Teknikal

Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) yang mempelopori pengajian teknikal di negara ini telah mengadakan satu bengkel bagi membentuk serta menyeragamkan pelan tindakan dalam penawaran kursus teknologi kejuruteraan kepada umum.

Bengkel tersebut telah dihadiri oleh Naib-naib Canselor serta Pegawai-pegawai Kanan daripada UTeM, UTHM, UniMAP dan UMP. Ketika menyampaikan ucapan aluan, Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan mengalu-alukan kerjasama serta peranan yang dimainkan oleh MTUN dalam menghasilkan graduan yang kompeten dalam bidang teknikal.

Beliau turut melahirkan harapan agar bengkel tersebut dimanfaatkan sepenuhnya supaya MTUN berupaya menjadi kluster pengajian tinggi yang disegani di dalam dan luar negara.

Hadir sama pada bengkel tersebut ialah Prof. Madya Dr. Zarida binti Hambali, Pengarah Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Pada bengkel tersebut, Dr. Zarida menyeru setiap universiti yang bernaung di bawah MTUN agar memperkasakan pengajian diploma supaya pelajar-pelajar tersebut berpeluang menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Selain Dr. Zarida, wakil JPT yang turut hadir ke bengkel ini ialah Dr. Janatul Islah binti Mohamad, Penasihat Akademik, Pejabat Timbalan Ketua Pengarah (Sektor IPTA), serta Nadia Suriati binti Lias, Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik.

## UTeM Rangka Pelan Strategik Cipta Keunggulan Universiti Teknikal

UTeM sememangnya menitikberatkan perancangan dan pencapaian dalam mencipta keunggulan IPTA ini pada masa hadapan. Bagi merangka dan menterjemahkannya dalam konteks yang menyeluruh dan komprehensif maka UTeM telah menganjurkan Bengkel Pelan Strategik UTeM 2011-2015 baru-baru ini bertempat di Kampus Bandar, Jalan Hang Tuah Melaka.

"Hasrat utama ialah untuk memastikan UTeM mampu meraih kedudukan dan gelaran 'Accelerated Programme for Excellence' (APEX) dalam bidang teknikal. Ini akan menyerlahkan lagi kewibawaan universiti ini selaku peneraju utama institusi pengajian tinggi yang berprestij dalam fokus bidang teknikal dan kejuruteraan dalam negara kita mahupun di persada global" kata beliau.

Bengkel yang dikendalikan oleh Pejabat Naib Canselor dengan kerjasama Pejabat Jaminan Kualiti dan Akreditasi (PJKA) dan Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat (PPKK) ini telah membabitkan seramai 60 orang pegawai kanan UTeM daripada pelbagai fakulti dan pusat tanggungjawab bagi sama-sama berbincang dan merangka satu pelan strategik UTeM.

Tambahnya, beliau yakin bahawa UTeM mampu mencapai sasaran tersebut berikutan kemampuan UTeM yang baru berusia sedekad penubuhannya namun telah mampu melonjakkan nama di peringkat nasional dan antarabangsa dengan menghasilkan pelbagai kejayaan cemerlang dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

Menurut Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, antara fokus utama yang diberi perhatian dalam bengkel ini ialah sasaran dan strategi universiti bagi mencapai taraf APEX Universiti Teknikal di Malaysia ini menjelang tahun 2015. Perkara ini selaras dengan perutusan yang telah disampaikan kepada seluruh warga UTeM baru-baru ini bagi memartabatkan universiti ini menjadi universiti teknikal terunggul di Malaysia.





## CRIM *anjur* Sesi Dialog Bersama KPT



Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) telah mengadakan sesi dialog bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi memberi pendedahan mendalam mengenai peluang pembiayaan dana kepada penyelidik di universiti ini.

Melalui program tersebut, Prof. Dr. Ir. Mohd Jailani bin Mohd Nor, Pengarah Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT telah dijemput khas untuk berinteraksi bersama penyelidik UTeM membincangkan perkembangan terkini berkaitan penyediaan dan pembiayaan dana penyelidikan KPT.

Menurut beliau, bidang penyelidikan di negara ini kini memasuki era kecemerlangan di mana hasil penyelidikan dapat diukur dengan kaedah yang sama. Maka dengan itu, persaingan dalam bidang penyelidikan menjadi begitu sengit namun semua pihak mempunyai peluang yang sama rata dalam usaha memperoleh geran penyelidikan yang disediakan oleh KPT.

Turut disentuh dalam sesi tersebut ialah isu berkaitan pengkomersilan produk penyelidikan. Jelas Prof. Jailani, penyelidik seharusnya meneroka peluang kerjasama strategik dengan pihak industri dalam usaha meningkatkan mutu produk yang dihasilkan. Beliau juga menyeru penyelidik agar sentiasa berfikir jauh ke hadapan dengan melakukan penyelidikan berbilang disiplin serta melibatkan kepakaran daripada pelbagai pihak.

## Kecemerlangan UTeM Menjadi Penanda Aras Universiti Indonesia



UTeM telah menerima kunjungan delegasi dari Universitas Internasional Batam (UIB), Indonesia baru-baru ini di kampus induk Durian Tunggal. Delegasi ini telah disambut oleh Pengarah Pejabat Antarabangsa UTeM, Prof. Dr. Nanna Suryana Herman.

Menurut Prof. Dr. Nanna berkata, kunjungan UIB ke UTeM ini adalah lebih tertumpu kepada penanda aras serta merangka jalinan kerjasama strategik antara UIB dan UTeM. Rangka jalinan strategik ini akan diterjemahkan kepada beberapa bentuk pendekatan dalam bidang akademik dan pembangunan staf bagi pihak UIB.

Dalam aspek pembangunan staf, UIB berhasrat untuk menghantar sebilangan stafnya bagi melanjutkan pengajian di peringkat pasca siswazah di UTeM. Seterusnya bagi sudut pelajar pula adalah untuk mewujudkan proses pertukaran pelajar antara UIB dan UTeM menerusi menerusi program ijazah berkembar di Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK).

Tambah beliau lagi kunjungan ini juga merupakan salah satu saranan daripada pihak Kementerian Pendidikan Nasional Indonesia (KPN) kepada pihak pengurusan UIB supaya kepakaran dan pengalaman yang ada pada UTeM boleh dikongsi bersama. Ini telah diakui oleh pihak KPN yang pernah mengadakan kunjungan hormat ke UTeM pada bulan November tahun lalu.

## UTeM dan Politeknik Rangka Jalinan Strategik Dua Hala



Bagi memenuhi saranan daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) yang menyeru pihak Politeknik supaya mewujudkan jalinan kerjasama dengan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) maka Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) dan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) kini merangka jalinan kerjasama dua hala dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Bagi membincangkan kandungan penuh dalam menjayakan jalinan strategik ini maka satu mesyuarat antara wakil UTeM bersama wakil PSA dan PSAS telah diadakan di kampus induk UTeM Durian Tunggal baru-baru ini.

Antara objektif utama diadakan mesyuarat ini ialah bagi memperincikan lagi skop kerjasama dua hala antara UTeM dan dua buah Politeknik ini dalam bidang program akademik, pasca siswazah, penyelidikan dan inovasi, penerbitan dan persidangan antarabangsa, ujar Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UTeM iaitu Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Husain.

Tambah beliau lagi, dalam mesyuarat ini juga turut membincangkan pembentukan kumpulan bagi meneliti dan merancang pelan tindakan dan hala tuju hubungan dua hala yang lebih strategik antara pihak UTeM dan kedua-dua buah Politeknik tersebut.

Dengan terjalin jalinan strategik ini maka sudah semestinya ianya akan memperkukuhkan lagi hubungan antara Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di bawah satu bumbung Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) bagi sama-sama merealisasikan aspirasi melahirkan graduan teknikal yang cemerlang dan berkebolehpasaran yang tinggi.

## UTeM dan JAIM *anjur* Seminar Pemantapan Aqidah



Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) UTeM dan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) telah menganjurkan seminar Pemantapan Aqidah di Auditorium Canselor, kampus induk Durian Tunggal dengan tema "Pemantapan Aqidah yang berlandaskan Al Quran dan As-Sunah".

Menurut Pengarah Program Zahirul Basri Idrus, seminar ini diadakan bertujuan bagi meningkatkan kefahaman serta penghayatan kepada mahasiswa mengenai pegangan yang sebenar iaitu pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah, meningkatkan semangat untuk kembali mempertahankan aqidah sebenar dan menghayatinya dalam kehidupan sebagai seorang muslim.

Antara yang memberi ceramah ialah Ustaz Eizzul A'la Bajuri dari Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Ustaz Sharom Maarof dari Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor. Moderator sesi ceramah pula ialah Hj. Rahimin Bani dari Bahagian Penguatkuasaan JAIM.

Di dalam ucapannya Hj. Ghazalee mengingatkan pelajar supaya tidak terpesong dari aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan sentiasa merujuk kepada pakar-pakar agama bagi mendapatkan sesuatu penjelasan yang berkaitan dengan agama. Remaja masa kini adalah pemimpin negara di masa hadapan dan mereka perlu bersedia mempertahankan aqidah yang suci ini supaya tidak hancur dan dipermainkan terutama oleh musuh-musuh Islam katanya lagi.



Seramai 62 anggota Kor Suksis UTeM, enam jurulatih dan seorang pegawai terlibat dalam program Latihan Amali Pemeriksaan Kenderaan Dan Pencegahan Jenayah yang dijalankan serentak di tiga kampus UTeM dengan tujuan memberi pendedahan serta pengalaman kepada anggota pasukan beruniform tersebut mengenai tugas-tugas sebenar anggota polis.

Menurut Pegawai Latihan Kor Suksis UTeM, Inspektor Daud bin Awang Min berkata, latihan tersebut diadakan untuk memberi pendedahan kepada anggota Kor Suksis mengenai prosedur mengendalikan sekatan jalanraya, penguatkuasaan akta serta langkah-langkah pencegahan jenayah.

Ujar beliau, "Buat pertama kalinya anggota Kor Suksis UTeM diberi peluang untuk menimba pengalaman dalam melaksanakan pemeriksaan kenderaan dan pencegahan jenayah. Pendedahan ini secara tidak langsung mendekatkan diri mereka dengan masyarakat serta menambahkan pemahaman mereka terhadap sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam usaha membanteras jenayah," katanya.

Melalui latihan yang dijalankan, anggota Kor Suksis diberi tunjuk ajar mengenai cara yang betul untuk memeriksa kad pengenalan, lesen memandu, cukai jalan serta pemeriksaan kenderaan. Dalam masa yang sama, mereka turut didedahkan dengan beberapa akta yang digunapakai antaranya Akta Polis 1967, Akta Pengangkutan Jalan 1987 serta Peraturan Lalulintas 1958.



## KOR SUKSIS UTeM Laksanakan Program Polis Bersama Masyarakat

Latihan yang berakhir pada jam 6 petang menyaksikan sejumlah 388 kereta, 340 motorsikal dan 669 orang telah diperiksa oleh anggota Kor Suksis UTeM.



## UTeM anjur Aktiviti Tingkatkan Kesedaran Bahaya Penyalahgunaan Dadah

Kelab Rakan Siswa (PRS) dengan kerjasama Unit Kaunseling Pelajar dan Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) telah menganjurkan program larian sihat tanpa dadah di sekitar kampus induk baru-baru ini.

Antara objektif program ini ialah untuk memperkenalkan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) kepada pelajar UTeM, memberi kesedaran mengenai hidup sihat tanpa najis dadah, membantu mahasiswa memahami bahawa setiap permasalahan dapat diselesaikan tanpa dadah, mengeratkan silaturahim antara mahasiswa UTeM dan memupuk semangat berpasukan antara ahli-ahli pasukan yang bertanding.

Setiap kumpulan dibahagikan kepada 4 orang pelajar dan mereka dikehendaki menjawab pelbagai soalan-soalan berkaitan dengan kempen anti dadah di "check-point" yang disediakan. Luan perlumbaan turut disediakan halangan dan mereka perlu berkayak, memanah, merentas pelbagai halangan sebelum sampai ke garisan penamat.

Pemenang ditentukan melalui ketepatan masa dan yang berjaya menjawab soalan-soalan yang diberikan. Hadiah-hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Ketua Timbalan Pendaftar HEPA Zainudin Ahmad. Turut hadir Pegawai Psikologi UTeM Musliha Yusoff dan pegawai-pegawai pejabat HEPA.

## PELAJAR UTeM BERBAKTI KEPADA MASYARAKAT DI KUALA BESUT

Seramai 30 orang pelajar UTeM telah mengadakan Program Menyusur Desa di Kampung Air Tawar, Kuala Besut Terengganu baru-baru ini. Program ini dianjurkan bersama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM dan Majlis Sukarelawan Universiti-Universiti Malaysia (MASKUM).

Menurut pengarah program, Muhammad Fizree Ashraf Jarni objektif program tersebut ialah untuk memberi kesedaran dan pemahaman kepada golongan pelajar terhadap peranan dan tanggungjawab dalam mencapai pembangunan modal insan serta menggerakkan tenaga mahasiswa sebagai pemangkin kepada perubahan sosial.

Selain itu program ini juga memperkenalkan dan mempromosikan UTeM sebagai destinasi pengajian tinggi yang unik disamping mendedahkan kepada para mahasiswa tentang kepentingan berbakti kepada masyarakat.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah seperti program beramah mesra bersama penduduk kampung, sesi motivasi cerdas minda bersama pelajar sekolah rendah dan menengah, gotong royong membaiki rumah yang rosak bagi masyarakat yang kurang bernasib baik, lawatan ke IKS tempatan seperti industri membuat keropok lekor, ikan masin dan sata, majlis kenduri sekampung serta ceramah Maulidur Rasul.



## UTeM anjur Karnival Wajadiri Peringkat Nasional

Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi (PSSCUH) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) UTeM telah menganjurkan Karnival Wajadiri Nasional Peringkat IPT dan Sekolah di Dewan Besar, Kampus Induk Durian Tunggal.

Seramai 1000 peserta yang terdiri daripada 52 IPT dan 59 buah sekolah menyertai pertandingan ini. Pertandingan ini mempunyai 3 kategori iaitu kategori berpasangan, kategori berkumpulan dan kategori khas. Kejohanan ini adalah berdasarkan kepada kekemasan dan ketangkasan melakukan pergerakan-pergerakan dalam silat Cekak Ustaz Hanafi. Turut diadakan pameran dan demonstrasi persatuan-persatuan bela diri yang terdapat di UTeM.

Objektif karnival ini ialah mencungkil bakat persilatan dan menjana kreativiti peserta dalam mempamerkan seni warisan bangsa kepada masyarakat luar, membentuk keperibadian mahasiswa yang bertaraf global khusus melalui kepimpinan organisasi, merapatkan hubungan ahli persatuan dengan masyarakat luar dan menanamkan minat mahasiswa untuk mempelajari ilmu mempertahankan diri.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd. Ali Rustam pada sebelah petangnya.



## AHMAD SAUFI dilantik sebagai YDP MPP UTeM



Pelajar tahun 2 Diploma Teknologi Maklumat dan Komunikasi Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Ahmad Saufi Ahmad Jawahir telah dilantik sebagai Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM yang baru bagi sesi 2010/2011.

Majlis penyerahan wafat pelantikan kepada MPP tersebut telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan di Auditorium Canselori. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Dato' Prof. Dr. Mohd. Nor Hussain, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, pegawai-pegawai kanan, dan mantan MPP sesi 2009/2010.

Sementara itu dalam ucapannya, Naib Canselor mahukan MPP memainkan peranan utama untuk menjadi penghubung antara pelajar dan pihak pengurusan universiti serta diharap dapat melaksanakan tugas dan amanah yang telah diberikan sebaik mungkin. Justeru itu kepercayaan dan mandat perlu digalas dengan penuh tanggungjawab, ikhlas, jujur dan berintegriti katanya.

## FORUM TITIAN INTEGRASI ETNIK *realisasikan* GAGASAN 1 MALAYSIA



Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) UTeM dengan kerjasama Biro Tata Negara serta Persatuan Seni Silat Cekak Hanafi UTeM telah menganjurkan Forum Titian Integrasi Etnik siri 1/2011 dengan tema 'Seni Beladiri Dalam Merealisasikan Hasrat Gagasan 1 Malaysia dan Benteng Pertahanan Ketiga Negara'.

Menurut Pengarah Program ini Nor Fazilah Abdul Hamid berkata, objektif forum ini antaranya ialah untuk memupuk semangat jati diri bangsa Malaysia yang tulen di kalangan mahasiswa UTeM untuk mempelajari seni beladiri khususnya.

Forum ini melibatkan penyertaan seramai lebih daripada 1000 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar universiti yang mengambil subjek Hubungan Etnik peringkat ijazah pertama, ujar beliau.

Forum tersebut menampilkan ahli-ahli panel yang terdiri daripada pegawai-pegawai Biro Tata Negara Cawangan Melaka iaitu Mohd Sha'rani Sapari dan Dr Jasmi Ahmad manakala Prof Madya Dr Raja Roslan Raja Abdul Rahman bertindak sebagai moderator dalam forum ini.

Menerusi forum ini diharap dapat meningkatkan pengetahuan mahasiswa khususnya terhadap saranan kerajaan dalam membentuk generasi Gagasan 1 Malaysia dalam menyahut saranan daripada pihak kerajaan yang mencakupi segenap aspek dan implikasi kepada hubungan etnik di Malaysia.

## KURSUS ORIENTEERING 2011 UTeM MEMBENTUK MAHASISWA PROAKTIF

Pusat Sukan Pejabat HEPA UTeM mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan kebolehpasaran para pelajarnya dengan menganjurkan Kursus Orienteering UTeM 2011 di sekitar Kampus Induk UTeM Durian Tunggal baru-baru ini.

Kursus tersebut disertai oleh 60 orang pelajar UTeM dan gabungan IPTA / IPTS sekitar negeri Melaka dan Negeri Sembilan seperti UiTM Lendu, UniKL MICET dan UiTM Kuala Pilah.

Program ini turut melibatkan penyertaan dari pihak Biro Orienteering, Kelab Orienteering UTeM dan dibantu oleh pihak SNR Adventure Consultant yang berpengalaman luas dalam menjayakan program orienteering di Malaysia.

Antara pengisian aktiviti yang diadakan antaranya ialah kelas teori tentang penggunaan kompas yang betul, orientasi peta, mencari arah utara sebenar pada peta, latihan praktikal pada waktu malam dan kejohanan mini orienteering cabaran UTeM. Peserta telah dibimbing oleh Aswadi Bin Aslah dari SNR Adventure Consultant tentang cara-cara menggunakan kompas dan membuat orientasi peta pada peta topografi serta peta kampus induk UTeM.



## HEPA anjur Kursus Pengurusan Organisasi kepada Pemimpin Pelajar



Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) UTeM telah menganjurkan kursus pengurusan organisasi kepada 40 orang pemimpin pelajar di kompleks Falak Al Khawarizmi, Tanjung Bidara Melaka baru-baru ini.

Menurut Ketua Penolong Pendaftar HEPA Mohd. Nizam Mazlan, program ini diadakan bertujuan memberi penjelasan semula tentang visi, misi, objektif penubuhan dan hala tuju MPP, menerangkan peranan semua peringkat ahli kumpulan, terutama dalam urusan pentadbiran serta pengurusan kewangan.

Selain itu, ianya juga memberi pendedahan berkaitan kaedah mengendali mesyuarat, penulisan minit, kaedah dan prosedur dalam menganjurkan sesuatu program, menjelaskan kepentingan hubungan dan komunikasi berkesan selain meningkatkan kemahiran mahasiswa dalam menyelesaikan masalah.

Antara yang memberi ceramah ialah Dekan HEPA Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman dan Ketua Timbalan Pendaftar HEPA Zainudin Ahmad mengenai Tatacara Pengurusan Fail dan Persuratan Rasmi. Turut diadakan ceramah mengenai prosedur penganjuran dan penyertaan program dan pengurusan kewangan dan pertandingan "paintball" bagi menguji ketahanan fizikal dan minda peserta.



## CRIM anjur PROGRAM MANTAPKAN BIDANG PENYELIDIKAN

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) UTeM baru-baru ini menganjurkan program "Strategi Penulisan Proposal Geran Penyelidikan" yang telah berlangsung di Auditorium Bangunan Canselori, Kampus Induk Durian Tunggal.

Menerusi program tersebut, pihak CRIM telah menampilkan Pengarah Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (INEE) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Prof. Dr. Uda Hashim untuk berkongsi kepakaran dalam menghasilkan kertas kerja penyelidikan yang mantap serta berpotensi meraih geran penyelidikan daripada pihak yang berminat.

Pengarah CRIM, Dr. Azizah Shaaban berkata, objektif penganjuran program tersebut adalah untuk memberi pendedahan kepada para penyelidik UTeM terhadap strategi penulisan proposal geran penyelidikan yang lebih sempurna dan memenuhi syarat serta keperluan pengeluar dana terutamanya Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT).

Dr. Uda juga turut berkongsi beberapa tips penting dalam penyediaan kertas permohonan geran penyelidikan antaranya skop penyelidikan yang sangat diberi perhatian pada masa kini adalah berkaitan dengan teknologi hijau, bahan termaju, pembuatan termaju, bioteknologi, bidang ICT serta nano teknologi.

Program sehari tersebut telah dihadiri oleh pensyarah-pensyarah UTeM daripada pelbagai fakulti. Hadir sama pada program itu, Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM.



## Praktis UTeM *bersama* Merealisasikan Transformasi Berfokuskan Strategi



Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PRAKTIS) UTeM telah menganjurkan program 'Executive Talk' untuk pentadbir UTeM baru-baru ini. Program ini telah diadakan di Auditorium Canselori Kampus Induk UTeM Durian Tunggal.

Penceramah bagi program ini merupakan individu yang tidak asing lagi iaitu Pendaftar UTeM sendiri En. Hasan Sirun.

Dalam ceramah yang bertajuk 'Peranan Pentadbir Dalam Merealisasikan Transformasi' ini beliau menyeru kepada golongan pentadbir UTeM supaya bertindak dalam memainkan peranan utama bagi menyahut aspirasi yang telah diamanahkan oleh Naib Canselor UTeM Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan dalam perutusan beliau pada awal tahun ini.

## Pemindahan Teknologi Sektor Korporat Ke UTeM – Satu Pakatan Strategik

Kemajuan teknologi masa kini telah mencapai tahap tertinggi dan perkembangan pesat itu mendatangkan pelbagai kebaikan kepada peningkatan mutu kehidupan generasi masa kini. Pendekatan bertemu secara dekat dengan Pengerusi Eksekutif Nusantara Technologies Sdn. Bhd iaitu Dato' Ghazali bin Dato' Mohd Yusoff yang juga adalah penceramah jemputan telah membuka lembaran baru kepada peserta-peserta untuk menerokai bidang teknologi dengan lebih mendalam lagi.

Atas sebab itu, bertempat di Dewan Auditorium Canselori, Kampus Induk UTeM satu program Executive Talk telah diadakan baru-baru ini. Program Ceramah Industri "The Corporate Sector & Academia : A Strategic Alliance" ini turut dihadiri oleh Naib Canselor UTeM iaitu Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan dan Pengarah ICNeT Prof. Madya Dr. Chong Kuan Eng.

Menurut Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff, penganjuran program ini adalah untuk menggalakkan pemindahan teknologi daripada sektor korporat kepada universiti. Disamping itu, ia juga dapat memantapkan ilmu pengetahuan terutamanya dalam bidang penyelidikan dan inovasi.

Pendekatan ini diambil untuk menggalakkan penglibatan yang berterusan daripada sektor korporat dalam aktiviti penyelidikan dan pembelajaran yang dapat membentuk dan membantu merapatkan jurang kemahiran selain mampu memberikan kepakaran dalam bidang teknologi di bahagian sektor korporat.


## Penyelidikan Dan Inovasi UTeM *rising* Matlamat Transformasi Negara



Penyelidik diseru untuk memanfaatkan pelbagai geran yang disediakan oleh kerajaan mahupun pihak swasta demi melahirkan inovasi yang mampu mengangkat nama Malaysia setanding dengan negara-negara maju. Demikian antara saranan yang dibuat oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi ketika membentangkan prestasi pencapaian penyelidik universiti di Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.

Mengulas prestasi penyelidikan UTeM pada tahun 2010, Mohamad Kadim menjelaskan bahawa sebanyak 41 pingat telah diraih dalam pertandingan rekacipta dan inovasi yang diadakan di dalam dan di luar negara. Sementara itu, 11 produk penyelidikan telah difailkan untuk dipatenkan manakala sejumlah 354 kertas kerja telah dibentangkan oleh penyelidik UTeM di dalam persidangan kebangsaan dan antarabangsa sepanjang tahun lepas.

Turut menjadi kebanggaan apabila Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) berjaya meraih geran daripada UBS Optimus Foundation yang berpangkalan di Zurich, Switzerland melalui projek yang bernilai RM 434,130 manakala Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBPI) melaksanakan projek bernilai RM 70 ribu untuk Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT).





Unit Pengesahan Perkhidmatan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) telah menganjurkan Kursus Induksi Umum Kumpulan Sokongan Bil 1/2010 bertempat di Port Dickson, Negeri Sembilan. Peserta yang terdiri daripada kakitangan sokongan pelbagai jabatan telah menghadiri kursus ini.

Sepanjang tempoh kursus selama 10 hari dijalankan, peserta telah didedahkan dengan pelbagai aspek seperti dasar-dasar kerajaan, Pekeliling-pekeling Perkhidmatan Awam, pembentukan keyakinan diri dan semangat berpasukan. Ceramah berkaitan isu sensasi seperti integriti dan rasuah turut diadakan bagi memupuk kefahaman yang jelas di kalangan peserta.

Selain sesi ceramah, penganjur turut menyediakan aktiviti luar secara berkumpulan yang nyata menguji ketahanan fizikal dan mental peserta. Aktiviti jungle trekking dan night walk telah diadakan di Hutan Simpan Tanjung Tuan yang terkenal dengan rumah apinya. Turut diadakan aktiviti merempuh halangan berpasukan, telematch serta pertandingan senamrobik.

Pada malam terakhir kursus, majlis makan malam telah diadakan. Bertemakan "Wanita Sumber Inspirasi" peserta telah mempersembahkan drama kreatif pada malam tersebut. Majlis penutup disempurnakan oleh En. Hasan Sirun, Pendaftar UTeM.

## KURSUS INDUKSI UMUM BIL 1/2011 Bentuk Semangat Kerja Berpasukan



## PINTAR SIRI III – PUSAT KOMPUTER Timba Pengalaman Berharga

Kini tiba giliran Pusat Komputer mengikuti Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) siri III yang telah diadakan di Port Dickson baru-baru ini. Program anjuran Unit Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) telah mendapat sokongan sepenuhnya daripada warga kerja Pusat Komputer yang diketuai oleh Pengarah, En. Mohd Isa bin Mohd Dom.

Y.Bhg Naib Canselor telah menyempurnakan majlis pembukaan program tersebut yang mensasarkan matlamat melahirkan warga UTeM yang berfikiran strategik, kreatif, semangat berpasukan dan memiliki sifat terpuji.

Sepanjang tiga hari program berlangsung, peserta telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti yang mampu memberi dimensi baru dalam menjalankan tugas harian. Aktiviti berkumpulan sama ada indoor dan outdoor telah menyemarakkan semangat kerjasama yang tinggi di kalangan peserta. Turut diadakan aktiviti kerohanian yang dipimpin oleh Ustaz Long bin Kechik.

## SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT UTeM BERLANGSUNG MERIAH

Sambutan Maulidur Rasul peringkat UTeM telah disempurnakan oleh Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan di Masjid UTeM baru-baru ini. Pelbagai aktiviti yang menarik telah dianjurkan oleh Pusat Islam di perkarangan masjid.

Antara program yang dianjurkan ialah kempen derma darah, pameran buku-buku agama, kaunter khas Tabung Haji, Pencarian Khatib Profesional serta ceramah Maulidur Rasul. Menurut pengarah Pusat Islam, Dr. Radzuan Nordin berkata, sambutan pada tahun ini menampilkan kelainan dengan seluruh aktiviti dilaksanakan di masjid bersesuaian dengan fungsinya sebagai pusat kecemerlangan dan penyebaran dakwah.

Kempen derma darah yang dijalankan mendapat sambutan hangat daripada warga UTeM yang peka terhadap keperluan tabung darah Hospital Melaka yang sentiasa memerlukan bekalan secukupnya. Kaunter Tabung Haji juga tidak putus-putus menerima kunjungan staf yang ingin membuka akaun baru mahupun menjalankan urusan berkaitan simpanan.

Turut mendapat perhatian ramai ialah penganjuran 'Pencarian Khatib Profesional' yang menyaksikan penyertaan warga UTeM bagi merebut gelaran tersebut. Pertandingan itu diadili juri yang berpengalaman dalam penyampaian khutbah Jumaat. Penyampaian hadiah dan cenderahati kepada pihak yang menjayakan sambutan tersebut disampaikan oleh Naib Canselor.



## Kelahiran Mac 2011

Nama Staf : Abdul Rahman bin Salleh (FTMK) & Noor Hafiza binti Othman (HEPA)

Nama Anak : Nur Damia Aisyah binti Abdul Rahman

Tarikh Lahir : 15 Mac 2011


Nama Staf : Nazarina binti Abdul Nasser (Pejabat TNC P&I)

Nama Anak : Muhammad Harith Danish bin Hamka

Tarikh Lahir : 10 Mac 2011



Nur Damia Aisyah



Muhammad Harith Danish



## Ehniah

Berita@UTeM mengucapkan selamat pengantin baru kepada pasangan berikut yang telah melangsungkan perkahwinan baru-baru ini.

Nurashikeen binti Nasrudin dari Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat (PPKK) bersama pasangannya Mohd Shazali bin Hj. Zakariah yang melangsungkan perkahwinan pada 4 Mac 2011.





**MD. SAAD BIN ZAKARIA**  
PEJABAT PEMBANGUNAN

Md. Saad bin Zakaria memulakan perkhidmatan di UTeM pada bulan Jan 2008. Berasal dari Sungai Petani Kedah, Saad mempunyai pengalaman yang luas sewaktu berkhidmat di syarikat bas ekspres Transnasionl selama empat tahun.

Bapa kepada empat orang anak ini kini menetap bersama keluarga tercinta di Pokok Mangga, Melaka. Bertugas sebagai pemandu telah membawa Saad ke seluruh pelusuk negara. Malah beliau juga sering melibatkan diri dalam mempromosikan UTeM kepada umum setiap kali ditugaskan membawa petugas promosi.

Menggemari masakan asam pedas Melaka, Saad merupakan antara pemain bola sepak yang mewakili Pejabat Pembangunan dalam Sukan Antara Jabatan (SAJ). Selain itu, beliau juga bergiat aktif dalam sukan karom di mana beliau telah menyumbangkan pingat gangsa pada Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) di Pulau Pinang.



**FATILAH BINTI RAMLY**  
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)  
PEJABAT PERPUSTAKAAN

Berasal dari Bemban, Melaka Fatilah binti Ramly menyertai UTeM pada bulan Februari 2008 dan ditempatkan di Pejabat Perpustakaan. Seorang yang aktif di dalam bidang sukan, Fatilah merupakan atlet boling padang yang telah mengharumkan nama universiti di beberapa edisi kejohanan bertaraf kebangsaan seperti di Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM).

Fatilah gemar membaca di waktu lapangnya. Menurut beliau, bahan bacaan berbentuk novel merupakan pilihan utama untuk memenuhi masa terluang sambil merehatkan fikirannya.

Seorang yang peramah dan ceria, Fatilah turut aktif dalam sukan bola jaring, bola tampar serta olahraga. Beliau juga antara penyumbang pingat kepada UTeM dalam acara karom sewaktu menyertai kejohanan sukan MTUN yang lalu.



## Bengkel Pengenalan Asas Senamrobik 2011 UTeM Bentuk Gaya Hidup Sihat

Pusat Sukan Pejabat HEPA UTeM telah menganjurkan Bengkel Pengenalan Asas Senamrobik yang bertujuan untuk membudayakan gaya hidup sihat di kalangan staf dan pelajarnya. Program yang julung-julung kali dianjurkan itu berlangsung di Pusat Persatuan Pelajar UTeM.

Menurut Pegawai Belia dan Sukan Pusat Sukan HEPA, Siti Sarah Bte Bujang berkata objektif penganjuran bengkel tersebut adalah untuk memberi pendedahan mengenai asas senamrobik di kalangan warga UTeM di samping memberi pengalaman baru untuk beriadah melalui aktiviti senamrobik.

Program itu turut dibantu oleh Persatuan Jurulatih Senamrobik Negeri Melaka (MAIA), Bahagian Pekerja dan Pelajar Antarabangsa, Jabatan Ketua Menteri Melaka serta Kementerian Belia dan Sukan Negeri Melaka yang berpengalaman luas dalam menjayakan aktiviti senamrobik di Melaka.



## Pejabat Pembangunan JUARA BOLA SEPAK SAJ UTeM 2011

Pasukan Pejabat Pembangunan mempamerkan aksi cemerlang untuk merangkul kejuaraan bola sepak Sukan Antara Jabatan (SAJ) UTeM 2011 setelah menewaskan pasukan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dalam perlawanan akhir yang berlangsung sengit di Stadium UTeM, Kampus Induk Durian Tunggal.

Dalam perlawanan itu kedua-dua pasukan menampilkan gaya permainan yang menarik dengan corak serangan pantas. Pada separuh masa pertama, jentera serangan pasukan Pejabat Pembangunan yang diterajui oleh Mohd Shahrhan mendahului dengan dua gol.

Pertembungan hebat di separuh masa kedua pula menyaksikan kebangkitan pasukan HEPA dengan merapatkan kedudukan menjadi 2-2. Jentera serangan pasukan HEPA yang dipimpin oleh bekas pemain negara, Md. Nor Derus menggandakan asakan namun kekebalan pertahanan pasukan Pejabat Pembangunan menyukarkan usaha tersebut.

Kedudukan 2-2 tidak kekal lama apabila Mohd Shahrhan berjaya membolosi pertahanan lawan lalu meledakkan satu gol menjadikan pasukan Pejabat Pembangunan mendahului dengan kelebihan satu gol.

Tidak lama selepas itu, gerakan menarik Abdul Zaini berjaya memperdayakan barisan pertahanan Pejabat HEPA seterusnya menewaskan penjaga gol pasukan itu. Jaringan Abdul Zaini memberikan kelebihan kepada pasukan Pejabat Pembangunan dan keputusan 4-2 kekal hingga ke wisel penamat.

